



MERAKI

PAMERAN BERKUMPULAN | GROUP EXHIBITION



23 | 14
mei | JUL
2024

@BALAI SENI
LUKIS SABAH



BALAI SENI LUKIS SABAH
SABAH ART GALLERY



Lokasi

088-268 748 / 825

088-210 040


SABAH ART Gallery

SabahArtGallery

Sabahartgallery.com

art.gallery.sabah@gmail.com





“Let each man exercise
the art he knows.”

-Aristophanes

MERAKI

[may - rah - kee]

Berasal dari perkataan Yunani yang bermaksud melakukan sesuatu dengan sepenuh jiwa, kreativiti atau cinta : untuk menyemai sesuatu dari diri dan menanamnya ke dalam kerja. Untuk menyukai apa yang dilakukan dan melakukannya dengan baik.



PAMERAN MERAKI PAMERAN BERKUMPULAN

Program ini adalah kesinambungan pemenang Kategori Khas Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah (KPTNS) bagi tahun 2022/2023. Program ini juga merupakan pameran berkumpulan bersama artis *established* lain (pemenang Kategori Khas KPTNS 2022/2023) yang dipilih mengikut keputusan juri-juri KPTNS Ke-38, 2023. Karya yang dihasilkan oleh para artis wajib berkonsepkan seni moden/kontemporari/konseptual.

Enam orang pemenang atau artis telah dipilih untuk menyertai pameran ini iaitu Josrie bin Haral, Harold Reagen Eswar, Asnedi Maduni, Azlan Dulikab, Canie Peter Tan dan Rosmaini Sunarjo. Program ini merupakan inisiatif BSLS dalam membantu artis untuk mengetengahkan dan mengembangkan lagi bakat serta mengangkat hasil karya mereka ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Melalui program/pameran ini, karya-karya lama atau baharu artis dapat dipamerkan dan pada masa yang sama menghargai jasa mereka sebagai penggiat seni yang telah menyumbang kepada perkembangan seni visual Sabah. Melalui pameran ini juga diharapkan para artis seni visual akan terus aktif untuk berkarya.

Selain itu program/pameran ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendedahan dan penghayatan terhadap seni visual serta menggalakkan artis untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti karya seni visual mereka. Selain itu program/pameran ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendedahan dan penghayatan terhadap seni visual serta menggalakkan artis untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti karya seni visual mereka. Program ini merupakan eksperimen kepada artis dalam usaha untuk mengadakan pameran sendiri atau solo pada masa akan datang. Melalui pameran ini artis boleh mempelajari banyak perkara dalam mengendalikan sesebuah pameran seni visual.

Pameran Meraki telah diadakan pada 23 Mei sehingga 14 Julai 2024 di Galeri Umum dan Galeri Yaman Balai Seni Lukis Sabah. MERAKI berasal daripada perkataan Greek yang bermaksud 'intipati diri'; melakukan sesuatu perkara dengan kreatif, semangat dan cinta. Secara asasnya tema bagi pameran ini ada lah BEBAS; karya yang benar-benar diminati dan memperlihatkan kekuatan peserta dalam bidang seni visual.



TADJAU WAGU
1950-1951
Karya: [unreadable]
Museum [unreadable]

[unreadable text]

ASNEDI BIN MADUNI
(b.1985)

Pengarca *self-taught* ini memiliki bengkel/studio untuk menjalankan kerja-kerja penghasilan arca dari besi buangan di Kg. Gayang, Tuaran. Berbekalkan minat yang mendalam, bakat dan disiplin, dapat dilihat kematangan beliau menghasilkan karya sejak mula aktif pada tahun 2006. Beliau mempelajari seni visual dari bahan bacaan dan tunjuk ajar dari ayahnya yang juga merupakan artis dan pengacara, Maduni Majidin. Penerima Anugerah Karya Pilihan dalam Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah (KPTNS) 2009, 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2022. Penerima Anugerah Seni Kontemporari Sabah dari Persatuan Pelukis Seni Visual Sabah. Beliau bertekad untuk terus berkarya memartabatkan seni arca besi di Sabah.

DANAU (2018)

112 x 83 cm
Besi
Bukan untuk dijual

*Karya Pilihan Kategori C
Peringkat Bahagian
KPTNS Ke-33, 2018*





LEBAH DAN SEMUT (2024)

134.6 x 211 x 15 cm
Media campuran
RM28,000

Dalam karya ini, pengkarya ingin bercerita mengenai perbezaan kebaikan dan keburukan dimana kebaikan dapat kita saksikan melalui sifat semula jadi seekor lebah yang mempunyai sengat bagaimanapun tidak sesuka hati menyengat / mencederakan manusia kecuali jika mereka diganggu bagi tujuan mempertahankan diri.

Mereka hanya tinggal di satu tempat, makan makanan yang baik serta bersih seperti debu-debu bunga. Manakala semut pula menggigit walaupun tidak diganggu serta makan makanan yang kotor seperti sisa-sisa dan sebagainya. Selain itu, mereka tinggal merata-rata simbolik kepada sifat rakus, mencerooboh dan merosakkan setiap makanan yang kita simpan di rumah. Melalui karya ini, audien dapat menyaksikan dan menghayati pertemuan antara kebenaran dan kemungakaran.

Lebah mempertahankan hak dimana madunya diceroboh oleh sang semut. Dawai duri simbolik kepada kaedah pertahanan dan sempadan kawasan sang lebah. Pengkarya juga ingin menyampaikan bahawa kita yang dipinjamkan dan tinggal di alam ini terdiri dari pelbagai bangsa serta kefahaman. Masing-masing haruslah saling hormat-menghormati dan tidak menindas bagi menjamin semangat muhibbah serta keharmonian.



TAMAN RIMBA (2023)

192 x 290 x 35 cm
Media campuran
RM30,000


Taman Rimba berkonsepkan seni abstrak timbul yang menggabungkan 3 panel dan memuatkan beberapa subjek yang lazimnya terdapat di hutan rimba. Karya ini mempertengahan elemen semula jadi, budaya dan warisan di negeri Sabah. Subjek utama dalam karya ini termasuklah imej gunung, bukit bukau, bunga rafflesia, periuk nera, replika kincir angin, sirung, wakid, replika jam dan alat berkebun.

Imej gunung dan bukit bukau menggambarkan geografi negeri Sabah yang berbukit bukau. Antara keunikan Sabah adalah Gunung Kinabalu yang sinonim dengan Negeri Sabah. Bukan sahaja Gunung Kinabalu, terdapat juga banyak bukit-bukit yang menarik dan menjadi tempat rekreasi dan tumpuan pelancong. Bunga Rafflesia atau juga dikenali sebagai Bunga Pakma merupakan bunga terbesar di dunia dan ia telah dijadikan sebagai bunga rasmi bagi Negeri Sabah kerana banyak ditemui di negeri ini. Bunga Rafflesia yang biasanya terdapat di Sabah adalah dari spesies Rafflesia Keithii iaitu spesies yang mudah hidup di kawasan tanah seperti di Sabah.

Periuk nera atau nama saintifiknya Nephentes merupakan tumbuhan yang agak sinonim dengan Negeri Sabah. Antara lokasi yang mempunyai banyak periuk nera adalah Gunung Trus Madi, hutan mossy yang terkenal untuk aktiviti hiking. Replika kincir angin merupakan subjek yang menggambarkan salah satu tempat pelancongan yang ada di Sabah iaitu Happy Garden yang terletak di Kundasang.

Antara elemen budaya dan warisan di dalam karya ini adalah sirung dan wakid. Sirung adalah topi yang diperbuat daripada rotan dan digunakan oleh masyarakat Dusun sebagai alat melindungi kepala ketika bercucuk tanam di ladang atau kebun. Wakid pula adalah alat sikutan tradisi suku kaun Kadazan Dusun dan Murut di Sabah yang digunakan sebagai alat membawa hasil tuaian padi.

Sebuah jam yang dikelilingi alat-alat berkebun turut menjadi subjek dalam karya ini. Satu kajian saintifik membuktikan bahawa meluangkan masa bersama alam semula jadi dapat memperbaiki tumpuan mental. Apabila memasuki kawasan dikelilingi tanaman hijau, pastinya dapat membangkitkan semangat sebelum meluangkan masa bersama keluarga.



DERITA COVID (2021)

122 x 79 cm
Media campuran
Bukan untuk dijual


*Karya Pilihan Kategori C
Peringkat Bahagian
KPTNS Ke-36, 2021*



PENGHUNI RIMBA (2019)

122 x 79 cm
Media campuran
Bukan untuk dijual

*Karya Pilihan Kategori C
Peringkat Bahagian
KPTNS Ke-34, 2019*





**BERSATU MEMPERJUANGKAN
KEDAMAIAN (2024)**

177 x 162 x 177 cm
Media campuran
RM2,000



Payung

Karya yang menunjukkan rangka payung, menggambarkan pemimpin-pemimpin yang merupakan pelindung dan mempunyai kuasa ke atas orang di bawahnya yang pada hakikatnya, tidak selalu dapat melindungi.

Sangkar Burung

Di bahagian tengah karya merupakan sangkar burung, menggambarkan situasi hidup dalam kekangan dan tidak dapat berbuat apa-apa kerana terikat dengan keadaan. Terpaksa mengharungi seksaan kekejaman dunia yang tidak tahu menilai perasaan.

Senjata Api

Senjata api sebagai simbol kehormatan. Kebanyakan isu penyalahgunaan senjata api yang dilakukan demi mendapat kuasa hanya kerana ingin menakluk sumber atau perkara-perkara tertentu. Amat sinonim dengan peperangan yang akhirnya mengorbankan nyawa.

Akar

Berpegang teguh kepada tempat dan asalnya seperti mana akar yang tetap tumbuh memberi kekuatan pada pohon. Menggambarkan kekuatan untuk tetap memperjuangkan apa yang dimiliki walaupun menghadapi banyak kesukaran dan rintangan.

Kain Merah

Kain merah untuk mengetengahkan warna merah yang merupakan warna api, sinaran matahari dan warna darah. Warna ini memberi kesan kehangatan, kebahagiaan, semangat, kekuatan dan juga merupakan tanda peringatan. Dalam psikologi warna merah merupakan simbol tenaga, tindakan, kekuatan dan kegembiraan.

MENEPATI SASARAN (2024)

194 x 147 x 46 / 41 x 109 x 94 cm

Besi

RM3,000



Sebuah arca mempersembahkan sebuah figura sedang beraksi melakukan aktiviti memanah ke arah objek dengan sasaran yang begitu tepat sekali. Aksi ini boleh diambil sebagai satu langkah penguat semangat dan harapan supaya apa sahaja kerja yang mkita lakukan seperti pekerjaan, pembelajaran dan semua aktiviti akan memperolehi hasil yang baik serta memuaskan bagi diri sendiri mahupun semua pihak. Persiapan utama dan terpenting bagi mencapai sesuatu matlamat ialah dengan usaha, ketekunan serta disiplin yang tinggi serta bersungguh-sungguh melakukan kerja. Kalau mahu kejayaan, kemahuan mesti diiringi dengan seribu daya. Ketika kita menemui rintangan, jangan melihatnya sebagai pengakhiran jalan, tetapi sebagai tikungan baru yang membuka peluang baharu. Jangan pernah berhenti menjelajah. Kejayaan akan sentiasa kita miliki sekiranya apa yang digariskan diatas dapat kita terapkan dalam diri dengan semangat ingin maju.



SENTIASA BERSYUKUR (2024)

Instalasi
Media campuran
RM28,000

Ranting Pokok

Ranting pokok menggambarkan kehidupan manusia yang banyak cabangnya. Setiap kehidupan manusia memiliki pelbagai cerita, masalah yang terdiri dari masalah kecil atau besar, namun kehidupan tetap berjalan. Ranting menjadi komponen penting bagi pokok. Tanpa ranting, pokok sukar untuk berkembang sekaligus membawa erti bahawa ranting pokok memberi kehidupan baharu. Menggambarkan bagaimana kesempatan dan peluang baharu terbuka untuk kehidupan yang lebih baik. Ranting pokok juga bertahan dan selalunya rapuh ibarat manusia yang tetap cekal kuat menempuh sesuatu hal yang sulit, tetap tumbuh lebih baik.

Roda

Roda yang menggambarkan kehidupan yang ada kalanya berada di atas, ada kalanya juga berada di bawah. Ungkapan hidup bagaikan roda bukan hanya merujuk kepada status ekonomi dan sosial, tetapi juga semua aspek kehidupan, hubungan peribadi, emosi, kesihatan, perasaan, ketenangan dan sebagainya. Jika dilihat dengan lebih mendalam, konsep hidup bagai roda berputar ini nyata berlaku dalam realiti kehidupan seharian. Roda kehidupan itu yang menggerakkannya, memutarnya dan mengemudi adalah kita.

Tangga

“Usaha Tangga Kejayaan”. Inilah pepatah yang selalu digunakan setiap hari dalam kehidupan kita. Tangga yang menggambarkan betapa banyak usaha dilakukan untuk mencapai kejayaan. Ia merujuk kepada konsep bahawa kejayaan atau pencapaian seseorang tidak dapat dicapai dengan serta merta atau tiba-tiba. Bukan terus berada di atas, tetapi perlu menaikkan tangga satu persatu untuk sampai ke puncak. Ia memerlukan usaha berterusan dan bertahap untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Kita akan sentiasa berusaha untuk mengecapi apa yang kita inginkan. Walaupun susah payah kita berusaha, kadang kala usaha kita tidak membuahkan hasil yang setimpal dan ada juga suatu masa kita jatuh dan rebah, itu tidak menjatuhkan semangat kita untuk berjaya dalam apa jua perkara.



AZLAN DULIKAB

(b. 1980)

Artis yang berpusat di Kota Kinabalu. Selain terkenal sebagai pelukis potret Sabah yang tidak asing lagi, beliau juga mempunyai gaya tersendiri dalam aliran seni Pop Surrealism dan mempunyai lebih 25 tahun pengalaman sebagai pelukis mural. Aktif menyertai pameran di dalam negeri dan bekerjasama dengan penulis serta penerbit buku bagi menghidupkan penulisan mereka melalui ilustrasi beliau. Beberapa pencapaian beliau termasuklah memenangi Anugerah Karya Pilihan, Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah Tahun 2010, 2012, 2018 dan 2023.

📷 @azlan_dulikab
 📌 Azlan Dulikab Art

SABDA ALAM (2023)

182 x 152 cm
 Akrilik atas kanvas
 Bukan untuk dijual

*Karya Pilihan Kategori Khas
 Peringkat Negeri
 KPTNS Ke-38, 2023*

Karya Sabda Alam adalah jurusan Pop Surrealisme. Dalam karya ini mempamerkan alam diciptakan kepada manusia serta kehidupan lainnya menjalani kehidupan yang saling memerlukan. Karya Sabda Alam memperlihatkan pentingnya tanah adat yg dipertahankan bagi meneruskan warisan adat dalam sesuatu kaum di bumi.





KAWASAN LARANGAN (2024)

91 x 121 cm
Akrilik atas kanvas
RM5,000



MOMOLIAN (2020)

121 x 121 cm
Akrilik atas kanvas
RM3,800



SONG OF NATURE (2024)

152 x 152 cm
Akrilik atas kanvas
RM11,250





**KETABAHAN
(PERSEVERANCE) (2024)**
91 x 121 cm
Akrilik atas kanvas
RM5,000



**MANSAU WITH SUNNY
(2024)**
65 x 76 cm
Akrilik atas kanvas
RM2,500



LAGENDA MONDOU (2024)

91 x 91 cm
Akrilik atas kanvas
RM3,800



CANIE PETER TAN

(b.1987)



Artis *self-taught* yang berasal dari Kuala Penyu. Meminati seni sejak bangku sekolah, dan mula merealisasi kerjaya seni separuh masa secara aktif pada tahun 2014. Medium pilihan beliau adalah pensel warna, pensel arang, cat akrilik dan digital. Seling terlibat dalam pameran atau aktiviti kesenian yang dijalankan di dalam dan luar negeri. Canie juga menerima jemputan menghasilkan mural secara komersil atau projek bersama komuniti. Antara pencapaian beliau, penerima Anugerah Karya Pilihan dalam Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah (KPTNS) 2017, 2019, 2021 dan 2023. Merupakan salah seorang artis sokongan yang melaksanakan projek Instalasi Seni : W.O.W (Wonder of Wilderness) di SAG Art Space, iaitu projek instalasi arca terbesar di Sabah, 2022.



MONEY NOTE SERIES : PRICELESS

122 x 145 cm (Diptych)
Cetakan ilustrasi digital atas kanvas
Bukan untuk dijual

Karya memperingati perjuangan Datuk Mohd Yaman, pengasas Balai Seni Lukis Sabah.



THREADS OF HERITAGE (2023)

122 x 243.8 cm
Tali guni
Bukan untuk dijual

*Karya Pilihan Kategori Khas
Peringkat Negeri
KPTNS Ke-38, 2023*

"Threads of Heritage" ialah karya seni instalasi konseptual yang membawa audien untuk meyelami lapisan pelbagai rupa sejarah kekeluargaan dan hubungan mendalam antara manusia, lokasi dan masa. Bahagian tengah karya adalah representasi simbolik rumah keluarga lama direka menggunakan tali dan ketelitian pengkarya.

Pemandangan Kampung

Di sekeliling struktur rumah tengah, landskap kampung mini yang direka dengan teliti ini merakam intipati kampung nenek moyang tertentu. Setiap elemen mewakili tempat yang penting dalam kampung, keluarga dan khazanah kenangan.

Ikatan Keluarga

Dalam karya ini, medium tali memainkan peranan yang penting dan utama di mana ia melambangkan ikatan halimunan yang mengikat ahli keluarga bersama-sama sepanjang zaman. Tali ini berjalin, dan membentuk corak yang kompleks, mewakili pelbagai perhubungan dan pengalaman yang dikongsi bagi membentuk ibarat permaidani ikatan kekeluargaan. Dalam karya seni konseptual ini, pengkarya menggunakan tali sebagai medium utama untuk meneroka dan bereksperimentasi tema rangkaian / pautan dan daya tahan. Tali memainkan peranan sebagai simbol kekuatan, mewakili ikatan rumit yang wujud antara individu dan daya tahan yang diperlukan untuk mengekalkan ikatan / hubungan tersebut.

Pemilihan jenis dan warna tali yang berbeza, masing-masing mewakili aspek unik hubungan antara manusia. Sesetengah tali mungkin tebal dan kukuh, melambangkan ikatan kekeluargaan yang kukuh dan persahabatan rapat, manakala yang lain mungkin lebih nipis dan lebih halus, mewakili kenalan atau interaksi yang berlalu. Hasrat artis adalah untuk membangkitkan pelbagai emosi dan pemikiran, menimbulkan persoalan tentang kerapuhan dan kekuatan hubungan kita. Karya seni ini mendorong audien untuk merenung usaha dan daya tahan yang diperlukan untuk mengekalkan dan memupuk hubungan ini, serta kesan akibat mengabaikan atau memutuskannya.

Warna Coklat

Coklat adalah warna yang neutral yang boleh dikaitkan dengan kestabilan hidup di kampung, sering ditemui alam semulajadi seperti tanah dan kayu. Coklat boleh mewujudkan rasa selesa dan kemesraan.


Warna Keemasan

Seperti warnanya, begitu juga kenangan dan memori berharga bersama keluarga tidak kira dalam situasi baik atau sebaliknya.



GUARDIAN OF BORNEO III (2022)

70 x 60 cm
Cetakan atas kanvas
RM2,800




HEART OF BORNEO (2022)

70 x 60 cm
Cetakan atas kanvas
RM2,800



MISO GUAS : SERUMPUN (2019)

56 x 77 cm
Pensel warna atas kertas
RM3,800



Karya menempatkan kebolehan atau limu yang diturunkan daripada satu generasi ke satu generasi adalah sesuatu yang amat bernilai. Karya 'Di Telan Zaman' memberi peluang kepada masyarakat untuk menghargai dan berusaha meneruskan warisan ini, sebelum semuanya ditelan zaman.




DI TELAN ZAMAN - KRAFTANGAN (2024)

122 x 122 cm
Kertas (lightbox)
RM5,000



DI TELAN ZAMAN - IRAMA (2024)

122 x 122 cm
Kertas (lightbox)
RM5,000



BAKUL (2019)

183 x 122 cm
 Akrilik atas plastik akrilik
 Bukan untuk dijual

*Karya Pilihan Kategori C
 Peringkat Negeri
 KPTNS Ke-34, 2019*



100 LOVE (2021)

80 x 110 cm
 Ballpen atas kertas
 Bukan untuk dijual

*Karya Pilihan Kategori C
 Peringkat Negeri
 KPTNS Ke-36, 2021*



HAROLD REAGEN ESWAR

(b.1980)




Berpendidikan sebagai arsitek, Harold Reagen Eswar atau dikenali sebagai Egn sejak kebelakangan ini mula menghasilkan karya seni yang berkonsepkan disiplin teknikal. Sering melibatkan komuniti dalam karya, memberi peluang dan ruang kepada orang ramai untuk menceritakan kisah mereka. Egn percaya beliau mempunyai medium khusus bagi mereka menyampaikan cerita mereka kepada audiennya. Egn pernah memenangi Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah sebanyak 3 kali dan finalis Julius Baer Swiss Bank Next Generation Art Prize.

- 📷 @haroldegn
- 📘 Harold Egn Eswar
- 🎵 @thesipsipshow
- 📺 @thesipsipshow
- 🌐 egnism.blogspot.com

THE SIN LIAN HUAT BOYS DOCUMENTATION (2020)

356.7 x 168.2 cm (Triptych)
Cetakan lukisan CAD atas kertas cetakan 80gsm
Bukan untuk dijual



5°21'14.7"N 116°09'15.6"E (2020)

84.1 x 119 cm

Cetakan lukisan CAD atas kertas cetakan 80gsm

Bukan untuk dijual

Karya Pilihan Kategori C

Peringkat Negeri

KPTNS Ke-35, 2020

Karya ini membincangkan kedudukan manusia pada suatu titik, dan pada titik tersebut berlaku kejadian kejadian bersejarah relevan pada penduduk pada atau berhampiran titik tersebut. Manusia kebanyakan memahami sejarah setempat melalui cerita berbentuk fakta atau mitos. Fakta membolehkan setiap individu memahami siapa dan apa kedudukan mereka pada suatu lokasi. Jika di tambah dengan mitos, kepercayaan, pengalaman sendiri dan lagenda urban, sesuatu komuniti itu akan mengenal dirinya dengan lebih dalam dan berlaku juga pemerksaan. Karya ini adalah satu pendekatan yang sudah lama, bergenre Biografi Ruang, karya ini mempamerkan pengalaman cerita fakta, mitos dan dokumentasi sosial, artis yang tinggal di bangunan pada grid yang menjadi nama hasil dokumen seni ini.

Penerangan pada setiap sudut struktur beberapa bangunan menceritakan kejadian yang berlaku pada lokasi tersebut, setelah bangunan tersebut telah lama siap. Norma bagi lukisan bangunan adalah menunjukkan cadangan pembangunan, seni susun atur dan segala keperluan sebelum bangunan tersebut di bina. Bukan orang sahaja yang boleh "mengalami", struktur bangunan juga boleh, sampai ke satu tahap, sesuatu struktur tersebut boleh di pertahankan atas kesan sejarah pada bangunan tersebut, dan sebaliknya.





TADAU VAGU (2022)

16 X 8 ft (Quadriptych)

Baju dan cadar terpakai, pasir dan cat industri

Bukan untuk dijual

Karya Pilihan Kategori Khas SMJ

Peringkat Negeri

KPTNS Ke-37, 2022

Tadau Vagu adalah lanjutan daripada siri karya “Spatial Biography Documentation” atau Dokumentasi Biografi Ruang, Tadau Vagu bermaksud hari baru dalam Bahasa Kadazan. Karya ini telah dihasilkan dengan mengumpul pelbagai jenis fabrik (baju, seluar, cadar, selimut dan sebagainya) daripada orang perseorangan, beserta fabrik tersebut, para peserta yang telah memberi fabrik mereka turut menceritakan tentang kepentingan fabrik mereka ini. Semua cerita yang dikongsikan adalah didokumentasikan sebagai tulisan-tulisan bersejarah. Berikut adalah perkongsian daripada para peserta yang telah memberi fabrik mereka :-

Caleste

“Ini adalah cadar dan selimut yang telah kami gunakan dalam keluarga kami sejak kami berkahwin. Dalam tradisi kami, selepas berkahwin, untuk mengelakan berlaku nasib buruk, semua barang harus dikongsi, seperti katil, tilam, selimut, bantal dan lain lain, tetapi saya dan suami saya tidak boleh tidur dengan satu selimut sahaja, kami membeli satu lagi selimut supaya kami dapat tidur dengan lebih selesa, setelah sekian lama, kami masih hidup dalam keadaan Bahagia, kami juga telah dikurniakan dengan tiga orang cahaya mata.”

Ramlan

Ramlan adalah rakan sepejabat saya, kami telah berkhidmat Bersama lebih kurang 13 tahun, sewaktu mula berkhidmat, kami tidak punya kenderaan, pada suatu hari, hujan turun sewaktu kami menunggu bas, kami terpaksa berkongsi payung sehingga bas muncul. Kami akan ketawa bila teringat peristiwa itu. Ramlan adalah seorang yang pendiam, tetapi dia berkomunikasi dengan Tindakan beliau. Dia adalah antara penyokong kerjaya saya sebagai seorang pengkarya sejak saya mula aktif dalam dunia seni.

Jan

Jan adalah seorang aktivis yang kuat. Beliau juga adalah seorang pereka grafik yang berbakat besar. Jan memang selalu mencari jalan untuk melibatkan dirinya dengan komuniti sekelilingnya, beliau selalu mengongsikan pendapat yang menjurus kepada cara hidup berkuniti. Pada satu pilihanraya yang lepas, Jan telah ikut bertanding sebagai seorang calon bebas, beliau berharapan besar untuk menjadi salah satu ketua komuniti di sini, fabrik yang diberi oleh Jan adalah baju semasa beliau menjalankan kempen politiknya.

George dan Nana

“Dalam pengalaman saya menjadi seorang juru gambar, saya berpengalaman menghadiri pelbagai jenis upacara social, terutamanya majlis perkahwinan, dan rata rata perkahwinan di Sabahlah antara perkahwinan yang sangat unik, contohnya saya pernah menjadi juru gambar bagi sebuah upacara pernikahan orang islam yang di 90% di jalankan dalam Bahasa Cina. Masyarakat di Sabah adalah sangat unik”.

George dan Nana

“Sewaktu kami mendapat cahaya mata kami yang pertama, memang menjadi satu dugaan buat saya dan suami yang selalu berjauhan. Selimut yang saya sertakan dalam projek seni ini adalah “saksi” kepada suka dan duka yang kami alami, setelah menimang anak yang ke-empat, saya rasakan bahawa saya sudah boleh melangkah ke satu fasa kehidupan yang baharu, selimut ini yang sebelum ini sangat berharga bagi saya, kini walaupun masih berharga, saya sudah boleh “move on” dan memori ini dapat saya kongsi dengan mereka yang menempuh fasa hidup sebegini juga.”

Dalbert

Dalbert adalah seorang t-shirt designer yang berbakat besar, rekaan Dalbert mempunyai elemen elemen regionalis yang sangat kena pada nilai kehidupan di Sabah. Saya mengenal Dalbert sewaktu mendekati isteri saya. Seorang ketua keluarga yang chill tetapi sangat teliti dengan segala pekerjaannya. Kualiti baju baju beliau adalah sangat baik, baju yang Dalbert sertakan dalam projek seni ini adalah hasil ciptaan beliau yang pertama, prototaip ini adalah hasil yang lucu dan juga sesuatu hasil yang boleh menjadi pencetus dialog yang sangat bagus.



Daphne

Baju yang saya berikan untuk kollaborasi seni ini adalah sehelai kemeja-T yang saya dapat sewaktu saya mendaftarkan diri saya untuk sebuah marathon di Miri, Sarawak. Malang sekali waktu itu bermulanya siri “lock-down” dan saya terpaksa tinggal di dalam rumah, keadaan ini memaksa saya untuk belajar memasak makanan kegemaran anak saya iaitu, ikan goreng, yang selalunya di masak oleh ibu saya, oleh kerana *lockdown*, kami hidup berasingan kediaman, dan dalam masa ini saya menghadapi satu cabaran untuk mendapatkan satu “kelulusan” dari anak saya, yang mengatakan ikan goreng yang saya masak adalah setanding dengan masakan neneknya. Baju ini banyak terkena minyak panas, yang menjadi kenangan bagi masa itu.

Flanegan

“Baju baju yang saya sertakan dalam projek seni ini adalah baju baju yang saya beli dan pakai sewaktu saya hidup di Tokyo dulu. Saya telah menghabiskan jumlah masa yang banyak di negara tersebut. Saya sungguh berharap untuk menemukan kehidupan di sana. Jodoh saya bukan di sana, kehidupan saya juga bukan di sana. Tapi saya masih sayangkan Tokyo. Saya juga sayangkan Sabah, dan akan selalu Kembali ke Negeri ini.


Shanny

“Pakaian-pakaian dan cadar ini semua adalah umpama saksi bagi masa masa saya menempuh hidup dari seorang penuntut seterusnya menjadi ibu . sekarang sudah mempunyai 4 anak. Sewaktu muda saya boleh mengatakan bahawa say aini “buduh” setelah menjalani hidup sebagai seorang isteri dan ibu, sekarang saya “kurang buduh”.

Kesemua pakaian, kain cadar, selimut yang dikumpul , dijahit dan dicat. Saya menyertakan tanah pasir dari pantai Tanjung Aru di dalam karya ini sebagai satu elemen yang membawa “relevance”, menyatukan karya ini dengan alam di mana ia di inspirasikan.

Di hujung proses penghasilan, keempat-empat panel dicat dengan cat berwarna putih, melambangkan semua lembaran hari yang baru bagi negeri sabah. Kesemua pakaian dan fabrik yang telah dijahit sebelum ini mempunyai warna mereka tersendiri, tetapi bagi menjayakan karya ini, setiap fabrik adalah seperti tidak lagi mementingkan warna masing-masing, tetapi mempunyai warna yang di kongsi Bersama-sama. Simbolik bagi kita Orang Sabah, kita harus tidak memandang warna kulit, sejarah atau latar belakang masing-masing. Kita semua punya pengalaman/cerita masa lampau, tetapi esok adalah hari yang baharu. Hari baharu ini mencabar kita untuk bersama berfikiran dengan cara yang lebih kritis, dengan harapan hari baharu akan membawa pembaikan,kemajuan, keberanian dan kekuatan yang juga baharu.

Karya ini “belum siap”, ada sebahagian kecil di panel keempat yang nampak tertinggal, Sabah juga “belum siap” masih jauh lagi perjalanan kita untuk menjadi sebuah “keluarga” yang berfungsi penuh. Masih lagi ada golongan keluarga kita yang tersisih mungkin kerana peredaran dan pergerakan kita yang pantas, mereka yang kecil, lain upaya.



ROSMAINI SUNARJO

(b.1981)



Merupakan artis self-taught. Sejak kecil, Rosmaini mempelajari seni lukis melalui buku komik dan tayangan kartun. Graduasi Diploma dalam Rekaan Grafik di Kinabalu Commercial College pada awal tahun 2000. Beliau mempunyai pengalaman sebagai seorang deco-artist di pasar raya besar dan hotel. Seorang artis versatile yang kerap bereksperimentasi dengan media dan teknik baharu dalam menghasilkan karya. Antara pencapaian beliau adalah Anugerah Karya Pilihan dalam Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah 2013, 2021 dan 2023. Salah seorang artis utama yang melaksanakan projek Instalasi Seni W.O.W (Wonders of Wilderness) di SAG Art Space, iaitu projek instalasi arca terbesar di Sabah. 2022.



DREAM THEATER (2023)

182 x 152 cm
Akrilik atas kanvas
Bukan untuk dijual

*Karya Pilihan Kategori Khas
Peringkat Negeri
KPTNS Ke-38, 2023*

© @Artattackrosmaini
f Rosmaini Artattack (Mr comic)

Teater mimpi adalah panggung imajinasi menjelma menjadi nyata. Dalam pementasan ini, watak menjadi aktor dan audien sebagai penonton. Di antara sorotan lampu panggung, kita dapat melihat ruang menyimpan seribu makna. Teater mimpi mengajak kita untuk mengalami emosi yang mendalam, keajaiban tak terbatas dan merenungkan erti dibalik imajinasi.

Dalam pertunjukan teater mimpi, tidak ada aturan yang mengikat imajinasi dan kreativiti. Mengungkap rahsia dan rasa terdalam. Teater mimpi membebaskan pikiran dan merangkul segala kemungkinan yang ada. Sebagai penonton kita dapat terhubung dengan cerita-cerita yang membingkai alam bawah sadar manusia. Sebagai aktor dalam teater mimpi, kita memimpin perjalanan penuh warna dalam pementasan tak terlupakan.



IMAN IMANON (2020)

Rosmaini Sunarjo x Japson Wong
31 x 61 x 42 cm
Media campuran
Bukan untuk dijual

*Karya Pilihan Kategori C
Peringkat Negeri
KPTNS Ke-35, 2020*




Kedua karya ini adalah dari siri House Head dan juga identiti atau *signature* pengkarya sendiri. Rumah dan kepada yang disesuaikan mengikut kaum / etnik itu sendiri membawa maksud identiti setiap orang itu yang harus dibanggakan dan dipelihara. Rumah juga menjadi subjek kerana rumah adalah pelindung, warisan, kasta, imej setiap orang dan di zaman moden ini belum tentu setiap orang akan mampu memiliki sendiri.

Tanpa rumah kita adalah *homeless*.



**HOUSE HEAD
(KADAZAN DUSUN) (2022)**

61 x 74 cm
Cetakan catan digital atas kertas
RM350



**HOUSE HEAD
(ORANG ULU) (2022)**

61 x 74 cm
Cetakan catan digital atas kertas
RM350



CARNIVAL RUST (2024)

152 x 152 cm
Akrilik atas kanvas
RM8,000


Karya ini menggambarkan orang Bajau Samah yang kebiasaannya menunggang kuda cuma ditukar kepada kuda merry-go-round atau carousel. Ini menggambarkan pemuliharaan adat yang jika tidak dikekalkan mungkin akan pupus dan hanya dapat dirasai atau dilihat dilukisan, muzium, buku atau cerita tapi disebalik mata kasar yang melihat maksud karya ini sebenarnya membawa maksud tindakan atau keputusan yang harus diambil. Merry-go-round akan berpusing dan terus berpusing tidak tahu bila akan berhenti. Dan bila orang seterusnya akan menunggang dan berpusing lagi, dapat dilihat di dalam situasi sekarang cuma benda yang sama diulang atau berulang kali dikatakan tanpa tindakan yang tidak tahu harus berapa lama untuk ditunggu. Bertukar orang yang naik ke atas tetap keadaan akan sama tanpa ada perubahan.



BLACK PARADE (2024)

152 x 152 cm
Akrilik atas kanvas
RM10,000

Terdapat banyak cerita di dalam karya ini. Parade (perarakan) yang membawa maksud hijrah atau higrira ke suatu tempat untuk lari dari penindasan dan penganiayaan. Memakai subjek manusia terutama kanak-kanak untuk menggambarkan masa depan dan pewaris dalam pemeliharaan budaya, bangsa dan persekitaraan. Tulisan grafiti yang menunjukkan ketidakpuasan hati dengan senario yang sudah dianggap normal. Kesimpulannya, karya ini bermaksud bersatu untuk melawan penindasan, ketidakadilan dan penganiayaan, dan juga hijrah yang ada dalam setiap manusia yang kadang kala harus kita buat untuk kehidupan yang lebih baik



BLACK PARADE
(2024)

Rosmaini bin Sunarjo (b. 1981)
152 x 152 cm
Akrilik atas kanvas
RM10.000

Terdapat banyak cerita di dalam karya ini. Parade (perarakan) yang membawa maksud hijrah atau higrira ke suatu tempat untuk lari dari penindasan dan penganiayaan. Memakai subjek manusia terutama kanak-kanak untuk menggambarkan masa depan dan pewaris dalam pemeliharaan budaya, bangsa dan persekitaraan. Tulisan grafiti yang menunjukkan ketidakpuasan hati dengan senario yang sudah dianggap normal. Kesimpulannya, karya ini bermaksud bersatu untuk melawan penindasan, ketidakadilan dan penganiayaan, dan juga hijrah yang ada dalam setiap manusia yang kadang kala harus kita buat untuk kehidupan yang lebih baik

PAMERAN MERAKI 2024
Pameran Berkumpulan



TO INFINITY AND BEYOND (2011)

29.5 x 100 cm
Akrilik atas kanvas
Bukan untuk dijual

Terdapat banyak cerita di dalam karya ini. Parade (perarakan) yang membawa maksud hijrah atau higrira ke suatu tempat untuk lari dari penindasan dan penganiayaan. Memakai subjek manusia terutama kanak-kanak untuk menggambarkan masa depan dan pewaris dalam pemeliharaan budaya, bangsa dan persekitaraan. Tulisan grafiti yang menunjukkan ketidakpuasan hati dengan senario yang sudah dianggap normal. Kesimpulannya, karya ini bermaksud bersatu untuk melawan penindasan, ketidakadilan dan penganiayaan, dan juga hijrah yang ada dalam setiap manusia yang kadang kala harus kita buat untuk kehidupan yang lebih baik

JOSRI HARAL
(b.1989)



Seorang artis versatile yang mula melukis di usia seawal 6 tahun. Sering menyertai pertandingan melukis Peringkat Sekolah Rendah dan Menengah. Mula aktif dalam industri kreatif Sabah pada tahun 2015 selepas menamatkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah, 2013. Josrie sering bereksperimentasi dengan medium dan cenderung menghasilkan karya kontemporari/ konseptual dalam usaha memecah tradisi karya konvensional artis Sabah. Menerima Anugerah Karya Perdana sebanyak 3 kali dalam KPTNS. Kini mula giat menyertai International Art Camp bagi memperluaskan pengalaman dan kenalan artis.



SAYA MAU PEGI SEKOLAH TAPI... (2019)

122 x 182 cm
Soft pastel dan kapur atas papan tulis terpakai
RM10,000

📷 @kot4kmimpi
👤 Jose Ree



KERUSI MALAS (2022)


7 x 12 x 3.7 ft
 Bitumen, gam, akrilik medium, matte varnish,
 akrilik atas kanvas dan rotan
 Bukan untuk dijual

*Karya Pilihan Kategori Khas SMJ
 Peringkat Negeri
 KPTNS Ke-37, 2022*

Melalui definisi Kerusi dan Malas yang diperoleh daripada Kamus Dewan, ia dapat disimpulkan sebagai satu perlakuan atau medium yang digunakan untuk duduk serta tidak melakukan sebarang aktiviti atau lebih mudah kita fahami dengan perbuatan berehat. Melalui karya ini, pengkarya ingin memberi pandangan kepada sikap seseorang yang inginkan kerusi tetapi berlengah-lengah dalam melaksanakan tanggungjawabnya atau seseorang yang sedang duduk dikerusi malas berimajinasi untuk melakukan suatu perubahan tetapi lambat melakukan tindakan.

Pada panel utama, iaitu karya yang dihasilkan dengan bitumen dan akrilik merupakan lirik lagu Sabah Tanah Airku bersama imejan Jata Negeri Sabah yang sentiasa membawa slogan Sabah Maju Jaya. 21 panel kecil mengelilingi panel utama pula dihasilkan dengan mengaplikasikan teknik image transfer di atas kanvas yang bersaiz 30 x 40 cm. Imejan yang terdapat pada karya ini adalah gambar 21 papan tanda Sabah Maju Jaya yang telah pengkarya ambil di bangunan kerajaan negeri meliputi kawasan Papar dan Kota Kinabalu sahaja.

Bagi pengkarya, sebanyak mana pun papan tanda Sabah Maju Jaya itu diletakkan dipelusuk bangunan kerajaan negeri, usaha ini sia-sia jika slogan dan tindakan tidak seiring. Tidak khusus kepada pihak pentadbir negeri, rakyat juga harus memainkan peranan dalam menjayakan hala tuju Sabah Maju Jaya ini. Ianya perlu pergerakan daripada setiap penjurong bukan hanya kedepan dan kebelakang sahaja seperti perbuatan membuai diri di kerusi malas, yang bermimpi tentang kemajuan negeri dan diri sendiri.



**MADTAMOL SADA HILO BAWANG
(MENANGKAP IKAN DI SUNGAI)
(2016)**

80 x 244 cm (Triptych)
Akrilik atas kanvas
Bukan untuk dijual


*Karya Utama Kategori C
Peringkat Negeri
KPTNS Ke-31, 2016*



IKAT PERUT (2024)



77 x 30 x 16 cm / 43 x 21 x 64 cm / 43 x 34 x 28 cm
Foam stick, fiber glass, polyurethane, cat candy spray
RM5,690

Arca stabil ini merupakan satu representasi kepada situasi pengkarya yang pernah berlapar kerana kurang mendapat tempahan semasa menjalani kehidupan sebagai seorang pelukis sepenuh masa. Subjek belon dipilih kerana seperti yang kita tahu, belon itu sifatnya yang elastik dan fleksibel mampu menyesuaikan bentuk mengikut keadaan, jadi sifat itu pengkarya representasikan sebagai satu perjalanan seorang pelukis yang harus menyesuaikan diri mengikut persekitaran, bagaimanapun ada limitasinya. Dalam pengkaryaan pula, seorang pelukis kena membuat pemerhatian terhadap permintaan audiens terhadap karya yang menjadi pilihan mereka agar dapat dijual. Selain itu, sifat belon yang boleh meletup sekiranya dicucuk jarum menjadi satu simbolik kepada cabaran dalam menjalani kehidupan sebagai seorang pelukis sepenuh masa dimana mereka sering berhadapan persaingan dalam penjualan karya, penghasilan karya, penjaanan idea yang tersekat untuk mendapatkan hasil yang terbaik, kekangan permintaan karya yang dihasilkan mengikut style sendiri, dan kesukaran untuk mendapatkan bahan yang sesuai untuk berkarya disebabkan harga yang material yang kian meningkat dari masa ke semasa.



DARI TITIK KE TITIK (2024)

91.4 x 122 cm
 Dawai besi
 Bukan untuk dijual



TYPE X (2024)

125 x 100 x 44 cm
 Serbuk pigmen atas kertas haba dan mesin taip
 Bukan untuk dijual

CONCRETE JUNGLE (2024)

38 x 33 x 62 cm

Polyurethane foam, wire mash, simen dan tumbuhan hidup

RM2,500

Merupakan satu representasi kepada *struggle* dalam menjalani kehidupan sebagai seorang pelukis dalam komuniti pelukis. Gigi geraham yang rosak menjadi subjek utama pada arca ini kemudian terdapat tumbuhan atau parasit yang menumpang dan hidup didalam kawasan gigi yang rosak tersebut. Hal ini berlaku di mana-mana lingkungan sosial, yang mana terdapat rakan yang akan mengambil kesempatan terhadap kebaikan rakan yang lain. Gigi geraham yang sediakala telah rosak bermaksud seseorang resah dan gelisah apabila memikirkan kesulitan untuk meneruskan kehidupan hari-hari mendatang ditambah lagi kewujudan parasit yang mengganggu emosi hos.

Seperti yang kita sedia maklum, sakit gigi itu merupakan satu keadaan yang boleh menyebabkan kita merasa tidak selesa, menipiskan benteng kesabaran dan lama-kelamaan akan mengganggu emosi. Jika gigi tersebut tidak dapat diselamatkan, ia perlu dicabut untuk kepentingan dan kesejahteraan kita sendiri.



FOR SALE (2018)

213 x 91.4 cm

Media campuran

Bukan untuk dijual

*Karya Pilihan Kategori C
Peringkat Negeri
KPTNS Ke-33, 2018*

Pengkarya mengetengahkan isu tindakan pihak kerajaan yang berhasrat ingin menjual tanah hutan Sabah. Subjek utama karya adalah landskap hutan yang dihasilkan dengan menggunakan teknik cetakan image transfer. Balutan plastik yang berada di kiri dan kanan karya bertindak sebagai pelindung karya, bagaimanapun pengkarya sengaja membalut dengan lapisan yang nipis dan mudah koyak bermaksud entiti yang sepatutnya kukuh melindungi dengan mudahnya integriti mereka dirobek hasil pujukan pihak luar menggunakan wang dan kekayaan yang akhirnya memberi kesan kepada orang lain.



BURNT OUT (2024)

32 x 33 x 88 cm / 58 x 38 x 67 cm

Polyurethane foam, foam stick, kayu cat spray

RM2,690

Arca yang merupakan satu representasi kepada keadaan fizikal dan mental sepanjang menjalani perjalanan sebagai seorang pelukis sepenuh masa dimana pengkarya pernah hampir berputus asa untuk meneruskan profession tersebut, tapi dengan sokongan daripada rakan pelukis, keluarga dan agensi serta niat pengkarya untuk meningkatkan nilai penghargaan masyarakat terhadap karya seni, pengkarya tetap untuk terus kekal berjuang dalam industri seni visual.

Seperti yang kita lihat pada karya ini, ada 2 batang macis yang sudah terbakar, namun terdapat kaki yang diperbuat daripada kayu menopang macis tersebut, membantu macis untuk terus berdiri. Macis yang terbakar itu adalah keadaan diri pengkarya yang lelah fizikal dan mental, manakala kayu yang menopang macis daripada jatuh adalah representasi orang sekeliling yang masih menyokongnya agar terus bertahan dan berdiri walaupun hampir terbakar bersama-sama macis yakni pengkarya.



DARI TITIK KE TITIK

(2024)

Josrie bin Haral (b. 1989)

91.4 x 122 cm

Dawai besi

Bukan untuk dijual

PAMERAN
Pameran





"BRING ART TO THE PEOPLE"



Kementerian Pelancongan,
Kebudayaan dan Alam
Sekitar Sabah



Lembaga Kebudayaan
Negeri Sabah



BALAI SENI LUKIS SABAH
SABAH ART GALLERY